



**ANDALUS CORPORATION PTE LTD**

## **KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2005**

BUKIT BATOK, TAMPINES I & II, YISHUN, WOODLANDS PT  
CHOA CHU KANG, MARSILING, JURONG WEST I & II, ADMIRALTY

NAMA : \_\_\_\_\_

MATA PELAJARAN : **DIYANAH**

KBK : **3**

### **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **7** muka surat.
2. Masa untuk menjawab kertas soalan ini ialah **1** jam.
3. Semua jawapan mesti dibuat dalam kertas soalan yang disediakan.  
Dan pastikan segala keterangan diri anda ditulis dengan betul dan sempurna.
4. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.

## **KBK 3 / DIYANAH**

### **BAHAGIAN A : (10 markah)**

**Pilih jawapan yang betul.**

#### **TAUHID**

- 1) Allah \_\_\_\_\_ dengan apa yang dijadikanNya iaitu makhlukNya.  
a) serupa                      b) sama                      c) berlainan                      (    )
  
- 2) Allah Esa pada zat, sifat dan perbuatan. Maksud zat Allah adalah \_\_\_\_\_ Allah.  
a) diri                      b) jiwa                      c) perkataan                      (    )
  
- 3) Mustahil Allah \_\_\_\_\_ sedang manusia ciptaanNya mendengar.  
a) bisu                      b) buta                      c) pekak                      (    )
  
- 4) Allah boleh melihat \_\_\_\_\_ tanpa menggunakan mata.  
a) yang terang sahaja    b) yang ghaib sahaja    c) segala-galanya                      (    )
  
- 5) \_\_\_\_\_ bagi Allah mencipta alam ini.  
a) Wajib                      b) Harus                      c) Mustahil                      (    )

#### **FIQEH**

- 6) Di antara sunat-sunat wuduk ialah \_\_\_\_\_  
a) berkumur-kumur    b) membasuh muka    c) menyapu kepala                      (    )
  
- 7) Di antara makruh-makruh wuduk ialah \_\_\_\_\_.  
a) menyapu telinga    b) membasuh kaki    c) membazir air                      (    )
  
- 8) \_\_\_\_\_ termasuk dalam perkara-perkara yang membatalkan wuduk.  
a) Kentut                      b) Makan                      c) Muntah                      (    )

- 9) Syahid membaca 'Amiin' di akhir surah al-Fatehah. Perbuatannya dikira sunat \_\_\_\_\_.
- a) ab'adh                      b) haiat                      c) rawatib                      (   )
- 10) Ahmad ketawa terbahak-bahak ketika menunaikan solat. Solatnya dikira \_\_\_\_\_.
- a) sah                      b) batal                      c) makruh                      (   )

**BAHAGIAN B : (10 markah)**

**Tandakan ( ✓ ) pada kenyataan yang betul dan tandakan ( × ) pada kenyataan yang salah.**

**TAUHID**

- 1) Allah berhajat kepada makhluk.                      (   )
- 2) Jika tuhan ada ramai, maka akan rosaklah alam ini.                      (   )
- 3) Allah tidak memerlukan telinga untuk mendengar.                      (   )
- 4) Allah tidak dapat melihat dalam gelap.                      (   )
- 5) Ayat-ayat al-Quran adalah wahyu Allah untuk RasulNya.                      (   )

**FIQEH**

- 6) Membaca bismillah pada permulaan wuduk hukumnya wajib.                      (   )
- 7) Membasuh kaki sehingga melebihi buku lali adalah makruh.                      (   )
- 8) Bersentuhan tangan dengan mahram membatalkan wuduk.                      (   )
- 9) Ali tersenyum dalam solatnya tanpa suara, maka solatnya tidak batal.                      (   )
- 10) Shima dan Shikin berbual-bual semasa solat, perbuatan ini dibolehkan asal tidak sampai ketawa.                      (   )

**BAHAGIAN C : (10 markah)**

**Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.**

makhluk	sunat	murtad	beriman	beramal
ditadbir	makruh	suara	iftitah	al-Fatihah

**TAUHID**

- 1) Kalau Allah serupa dengan \_\_\_\_\_ bererti Allah bukan tuhan yang sebenar.
- 2) Semua alam semesta \_\_\_\_\_ oleh Allah.
- 3) Allah mendengar \_\_\_\_\_ yang jauh, dekat, kuat dan perlahan.
- 4) Setiap orang Islam wajib \_\_\_\_\_ bahawa Allah berkata-kata.
- 5) Orang yang beriman wajib \_\_\_\_\_ salih untuk mendapatkan keredhaan Allah.

**FIQEH**

- 6) Kita di \_\_\_\_\_ kan menyapu luar dan dalam cuping telinga.
- 7) Berbual ketika berwuduk hukumnya \_\_\_\_\_.
- 8) Seseorang yang terkeluar daripada agama Islam dinamakan \_\_\_\_\_.
- 9) Ustazah Kalsom membaca doa \_\_\_\_\_ pada permulaan solat kerana ia termasuk sunat haiat.
- 10) Membaca \_\_\_\_\_ dengan suara yang kuat ketika solat zohor adalah makruh.

**BAHAGIAN D : (20 markah)**

**Jawab 5 soalan sahaja daripada soalan-soalan berikut.**

**TAUHID**

- 1) Berikan pengertian “Khalik” dan “Makhluk”? Apakah perbezaan di antara “Khalik” dan “Makhluk”?

---

---

---

---

---

- 2) Terangkan apa erti Allah Esa? Apakah tanda-tanda yang menunjukkan Allah itu Esa?

---

---

---

---

---

- 3) Tuliskan dua perbezaan antara sifat mendengar Allah dan sifat mendengar makhluk? Adakah pendengaran Allah itu terbatas?

---

---

---

---

---

- 4) Terangkan cara Allah melihat? Apakah manusia mampu melihat perkara-perkara yang ghaib?

---

---

---

---

---

**FIQEH**

- 5) Terangkan erti makruh? Mengapakah kita tidak digalakkan membuat perkara-perkara makruh semasa mengambil wuduk?

---

---

---

---

---

- 6) Senaraikan tiga perkara yang membatalkan wuduk? Apakah yang harus kita lakukan sekiranya wuduk kita telah batal?

---

---

---

---

---

- 7) Siti dan Ani sedang solat. Tiba-tiba adik mereka membuat telatah yang menggelikan hati. Siti tergelak dan Ani hanya tersenyum. Apakah hukum solat Siti dan Ani? Mengapa?

---

---

---

---

---

- 8) Semasa Ali bersolat, tiba-tiba adiknya termuntah di atas sejadahnya. Apakah yang perlu Ali lakukan? Berikan tiga perkara yang membatalkan solat selain terkena najis?

---

---

---

---

---

**🤲 Semoga Berjaya 🤲**